



KEMENTERIAN KERJA RAYA

## KENYATAAN MEDIA

### **PELANCARAN LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK – 8 PAKEJ KERJA PEMBINAAN JAJARAN SEMATAN - MIRI**

**MIRI – 18 DISEMBER** :- Lapan (8) pakej yang dilancarkan ini merupakan sebahagian daripada sebelas (11) pakej jajaran Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang kini sedang giat dilaksanakan di pelbagai kawasan di Negeri Sarawak. Pakej-pakej tersebut adalah seperti berikut:

- i. Sematan ke Jambatan Sungai Moyan dengan panjang 95 km;
- ii. Persimpangan Pantu ke Batang Skrang dengan panjang 89 km;
- iii. Batang Skrang ke Jambatan Sungai Awik dengan panjang 68 km;
- iv. Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor dengan panjang 64 km;
- v. Jambatan Sungai Kua ke Jambatan Sungai Arip dengan panjang 64 km;
- vi. Jambatan Sungai Arip ke Persimpangan Bintulu dengan panjang 65 km;
- vii. Persimpangan Bakun ke Sungai Tangap dengan panjang 77 km; dan
- viii. Persimpangan Sungai Tangap ke Pujut Link Road dengan panjang 80 km.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, Kerajaan senantiasa memastikan bahawa setiap proses lantikan kontraktor yang dibuat dilaksanakan secara telus melalui proses tender. Prosedur penilaian tender tersebut dibuat oleh Jawatankuasa Tender dan Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan dianggotai oleh pegawai-pegawai teknikal daripada kementerian/agensi Kerajaan Persekutuan. Kaedah tender tersebut jelas berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan di mana keseluruhan *Work Package Contractor* (WPC) yang dilantik adalah memenuhi kriteria pengalaman kerja, kemampuan teknikal dan kewangan yang mencukupi serta di kalangan syarikat milik penuh atau majoriti warga Sarawak.

Kerajaan amatlah mengalu-alukan penglibatan masyarakat tempatan Sarawak di dalam pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini. Dengan lebih ramai warga Sarawak terlibat secara langsung dan tidak langsung – bukan sahaja sebagai kontraktor dan perunding bahkan juga pembekal serta vendor, merangkumi rantai nilai projek (*value chain*); lebih ramai rakyat Sarawak akan dapat meningkatkan kepakaran teknikal, pengetahuan dan pengalaman mereka melalui *technology and knowledge transfer*. Kontraktor bumiputera warga Sarawak daripada kelas B hingga F juga tidak dilupakan di mana projek ini telah memperuntukkan sebahagian kerja untuk mereka di antaranya pembinaan Kawasan Rehat dan Rawat, hentian bas, *lay-by*, *road furniture* dan jejambat pejalan kaki.

Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini bakal memperkukuh dan memperluaskan jaringan jalan raya sedia ada dari Telok Melano, Sematan seterusnya ke bandar-bandar lain di Sarawak seperti di Lundu, Kuching, Bau, Padawan, Serian, Sri Aman, Betong, Sarataok, Sarikei, Sibu, Selangau, Tatau, Bintulu, Bakun Junction, Miri, hinggalah ke Mengkalap-Merapok/sempadan Sindumin. Ianya juga bakal merancakkan sektor perindustrian dan pelaburan dengan menghubungkan pusat-pusat perindustrian contohnya di kawasan perindustrian Kuala Baram dan Piasau di Miri dengan pelabuhan dan hab ekonomi - *Sarawak Corridor of Renewal Energy* (SCORE) di Negeri Sarawak. Selain daripada segi penyediaan infrastruktur yang lebih baik, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan menyediakan laluan perjalanan yang lebih pantas, selesa dan selamat di Negeri Sarawak.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**18 Disember 2016**